

LAHAD DATU DIANCAM GEMPA BESAR



Rekahan tanah didakwa akibat gempa membentuk parit kecil di hadapan rumah penduduk di Kampung Teck Guan Baru, Lahad Datu.

# Bumi terbelah, lumpur hitam dari rekahan

INFO

Ciri-ciri **GEMPA BUMI** zon sesar aktif di Lahad Datu

- Bumi terbelah dan mengeluarkan lumpur hitam.
- Gegeran berlaku hampir setiap tahun didakwa paling kerap pada musim hujan.
- Lokasi paling kerap bergetar di Kampung Teck Guan Baru.
- Berlaku mendapan tanah yang berulang walaupun ditimbus tanah dan batu.
- Tanah kelihatan beralun dan lembut apabila dipijak jika gempa.

Gempa susulan berskala sederhana selepas gempa bumi bermagnitud 6.2 pada 26 Julai 1976

Tarikh/Masa	Magnitud	Kedalaman (KM)	Lokasi
26 Julai 1976 (3.03 pg)	5.3	33	Lahad Datu
26 Julai 1976 (3.47 pg)	4.7	33	Lahad Datu
26 Julai 1976 (5.35 pg)	5.2	33	Lahad Datu
26 Julai 1976 (8.36 pg)	5.3	33	Lahad Datu
26 Julai 1976 (8.49 pg)	5.3	33	Lahad Datu
26 Julai 1976 (9.43 pg)	5.1	33	Tawau
26 Julai 1976 (1.12 tgh)	4.5	33	Lahad Datu
26 Julai 1976 (2.03 ptg)	5.3	33	Semporna
14 Ogos 1976	5.1	36	Tawau
18 September 1976	5.0	33	Tawau

BH  
25/8/2015



## » Ciri gempa disusuli pergerakan permukaan tanah seperti disorong tarik

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah  
thaddius@bh.com.my

► Lahad Datu

Bumi terbelah dan mengeluarkan lumpur hitam adalah antara ciri-ciri gempa bumi disaksikan penduduk di Kampung Teck Guan Baru, di sini, setiap tahun.

Ita didakwa terjadi sejurus berlaku gegaran, disusuli pergerakan permukaan tanah yang kelihatan seperti disorong tarik.

Tanah yang terbelah selebar kira-kira 30 sentimeter dikatakan tercantum semula selepas gegaran reda, namun tanah di sekeliling lokasi terbabit didakwa bertukar menjadi lembut dan mudah mendap.

Lokasinya adalah di kawasan berbukit kecil di Kampung Teck Guan Baru, iaitu sebuah penempatan penduduk yang agak padat di hujung landasan Lapangan Terbang Lahad Datu.

Suri rumah, Nursiah Maladan, 41, berkata lokasi itu sudah ditimbus dengan tanah dan batu kerana terletak di laluan jalan kampung, selain dibina rumah.

Bagaimanapun, katanya, fenomena lumpur hitam keluar dari



Anggota Bomba dan Penyelamat Lahad Datu menunjukkan keadaan pagar konkrit yang senget akibat pergerakan bumi.

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

perut bumi masih berlaku setiap kali gempa bumi menerusi rekahan tanah yang terbentuk dan ia didakwa berlaku setiap tahun.

“Kawasan yang ditimbus masih lembut dan mudah mendap apabila berlaku tanah goyang (gempa bumi). Kalau kenderaan melalui kawasan itu ia seperti berjalan di atas tilam. Kami sudah biasa dengan keadaan ini tetapi bimbang kalau berlaku gempa bumi kuat menyebabkan kawasan ini terbelah teruk,” katanya kepada BH.

### Lantai dinding rumah retak

Tinjauan mendapati, hampir semua rumah penduduk di sekitar kawasan berkenaan mengalami keretakan lantai dan dinding, selain senget disebabkan pergerakan bumi.

Difahamkan, setiap tahun dianggarkan 10 lori batu kerikil dan tanah ditimbulkun di laluan berkenaan tetapi masih berlaku mendapan.



“Kami sudah biasa dengan keadaan ini, tetapi bimbang kalau berlaku gempa bumi kuat menyebabkan kawasan ini terbelah teruk”

Nursiah Maladan,  
Penduduk



Pekebun, Nordin Maloni, 45, mendakwa retakan selebar kira-kira lima sentimeter di lantai rumahnya adalah antara lokasi lumpur hitam keluar jika berlaku gempa bumi.

“Kalau kita tepak telinga di lantai, kita boleh dengar ada bunyi menggelegak dalam tanah, mungkin bunyi air lumpur yang tertolak ke atas disebabkan pergerakan bumi,” katanya.

Jirannya, Jahara Israail, 53, berkata lantai rumahnya turun sedikit antara satu hingga lima sentimeter selepas gegaran pada Jun lalu yang berlaku serentak dengan gempa bumi di Ranau.

Katanya, lantai rumah bergerak seperti papan yang disorong tarik dan menyebabkan beliau pening selama beberapa saat.

### Seperti dihayun dalam buaian

“Bila berlaku, semua penduduk bergegas keluar ke tanah lapang tetapi kanak-kanak pula seronok kerana suasananya seperti dihayun dalam buaian,” katanya.

Difahamkan, Kampung Teck Guan Baru, kira-kira tiga kilometer dari bandar Lahad Datu adalah antara lokasi berisiko akibat gempa bumi di daerah ini kerana dipercayai terletak di kawasan sesar aktif.

Selain kampung itu, tapak Balai

Bomba dan Penyelamat Lahad Datu berhampiran pusat bandar turut dipercayai terletak di kawasan garisan sesar atau pergerakan bumi.

Tinjauan BH di balai berkenaan mendapati pagar konkrit, menara dan bangunan kuarters lama yang kini dikosongkan kelihatan senget seperti ditolak ke atas dari dalam tanah.

Beberapa retakan besar turut kelihatan di bahagian dinding bangunan dan pagar, selain mendapan tanah dipercayai terjadi akibat pergerakan di perut bumi.

Banyak lagi lokasi lain dipercayai menunjukkan ciri-ciri sama di sekitar daerah ini, sekali gus menguatkan kebimbangan berlaku gempa bumi lebih besar seperti terjadi pada tahun 1976 dengan magnitud 6.2.

Selain ciri-ciri pergerakan bumi, kewujudan sebuah gunung berapi lumpur di kawasan perlindungan hidupan liar Tabin, di sini, dipercayai satu lagi bukti menunjukkan daerah ini sentiasa terdedah kepada aktiviti gempa bumi.



**Ikuti BH Plus**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video